

PENGURUSAN DANA MASJID DI MALAYSIA: SATU ANALISIS BIBLIOMETRIK

Fadilah Mat Nor,¹ Junainah Idris,¹ Nor Syaheera Atan¹, Aza Shahnaz Azman¹

¹Faculty of Management and Muamalah, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Fadilah Mat Nor. ¹Faculty of Management and Muamalah, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: fadilahmn@kuis.edu.my.

ABSTRAK

Usaha melestarikan peranan dan fungsi masjid sebagai institusi terhormat umat Islam seharusnya dilihat dari pelbagai aspek termasuklah kecekapan pengurusan dana yang berkesan. Objektif kajian ini adalah bagi mengenal pasti dan menganalisa pola penerbitan artikel berkaitan pengurusan dana masjid di Malaysia dalam tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2017 hingga 2021. Metodologi yang digunakan adalah menggunakan kaedah bibliometrik yang akan melibatkan carian di pangkalan data Scopus dan Google Scholar. Kata kunci ditetapkan dan carian dilakukan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Hasil Kajian membuktikan kekerapan kajian topik ini menunjukkan peningkatan dalam tempoh lima tahun iaitu dari 2017-2021. Kajian juga berjaya menemukan beberapa jurang penyelidikan dan penerbitan (research gap) dalam topik carian ini. Diharap penemuan ini dapat memberikan gambaran umum tentang penyelidikan semasa mengenai perakaunan masjid, trend, dan hala tuju masa depan penyelidikan yang berkaitan dengannya.

Kata Kunci: Pengurusan dana, Masjid, Malaysia, Bibliometrik, Google Scholar, Scopus

MOSQUE'S FUND MANAGEMENT IN MALAYSIA: A BIBLIOMETRIC ANALYSIS

ABSTRACT

Efforts to preserve the role and function of the mosque as a reputable institution for Muslims should be viewed from various aspects including the efficiency of fund management. This study aims to identify and analyze the publication pattern of articles related to mosque fund management in Malaysia over a period of five years (2017 to 2021). The methodology used is bibliometric methods that will involve searching the Scopus and Google Scholar databases. Keywords searches are conducted in Malay and English. The results proved that the frequency

of research on this topic shows an increase in the five years from 2017-2021. The study also found some research and publication gaps (research gap) in this search topic. Overall, findings of this study can provide a general overview of current research on mosque fund management, trends, and future directions of related research.

Keywords: *Fund management, Mosque, Malaysia, Bibliometrics, Google Scholar, Scopus*

Received: October 27, 2022

Accepted: December 25, 2022

Online Published: December 30, 2022

1. Pengenalan

Masjid adalah sebuah organisasi yang unggul dalam masyarakat. Keberadaan masjid dalam lingkungan masyarakat memberi suntikan kepada kekuatan jati diri individu Muslim dalam melaksanakan tuntutan yang disarankan dan diwajibkan dalam Islam. Dalam surah Al-Jin, ayat 18, Allah swt berfirman:

وَأَنَّ الْمَسَاجِدَ لِلَّهِ

Maksudnya: Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata.

Penjelasan mengenai ayat di atas adalah berkenaan fungsi masjid dimana aspek pelaksanaan ibadah secara keseluruhannya boleh dilaksanakan di masjid. Masjid adalah tempat bagi umat Islam beribadah dan menekuni kembali sejarah Islam pada masa lampau. Pusat komuniti masyarakat dan bandar-bandar dibentuk mengelilingi masjid malah di dunia barat pada zaman sekarang menerapkan konsep pusat integrasi yang turut mempunyai pusat pengajian dan kemudahan komuniti (Persekutuan, 2019). Dalam surah At-Taubah, ayat 18, Allah berfirman:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

Maksudnya: Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.

Ayat ini menyentuh mengenai pentingnya mengimarahkan masjid. Justeru itu pengurusan masjid yang baik adalah perlu dalam memastikan pencapaian objektif pengimarahkan masjid yang baik dalam kalangan masyarakat Muslim.

Pengurusan kewangan pula adalah aspek asas dalam menjana aktiviti pengurusan dan pengimarahkan masjid. Justeru itu Majlis Agama Islam secara umumnya telah melantik jawatankuasa yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir urusan dan aktiviti masjid termasuk aspek kewangan. Bagi memastikan pengurusan yang sistematik dan menepati piawai, jawatankuasa masjid perlu mematuhi prosedur operasi yang ditetapkan oleh Majlis

Agama Islam Negeri masing-masing. Negeri Selangor adalah negeri yang mempunyai 442 masjid yang berdaftar (JAKIM, 2021). Pelaksanaan pengurusan masjid di Selangor adalah tertakluk kepada piawaian prosedur operasi yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). MAIS dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menyediakan garis panduan pengurusan kewangan masjid untuk memastikan tahap kecekapan, integriti dan akauntabiliti pegawai masjid serta pengurusan kewangan yang cekap (Selangor, 2015).

Aspek ketirisan dalam sistem pengurusan kewangan terutama dana yang diperolehi melalui infaq dan sumbangan jemaah masjid adalah satu aspek yang dipandang serius kerana ianya melibatkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi masjid. Isu kehilangan duit masjid, kecurian dan penyelewengan perlu diselesaikan dengan mencari solusi yang terbaik. Kes kecurian duit tabung masjid dilaporkan berlaku setiap minggu (Zolkiply, 2019). Isu hukuman yang diambil oleh pihak pengurusan masjid terhadap pencuri juga menjadi isu yang hangat dan telah menjejaskan imej dan kredibiliti pegawai masjid. Contohnya kes remaja yang dimandikan seperti jenazah kerana mencuri duit tabung di sebuah masjid di Selangor pada Januari 2022 dimana akhirnya imam masjid diarahkan meletak jawatan (Mahpar, 2022). Sehubungan dengan itu, amatlah perlu pengurusan masjid mencari cara bagaimana isu berkenaan tabung masjid ini dapat diatasi.

2. Pernyataan Masalah

Kewangan mempunyai peranan yang besar dalam pengurusan masjid. Secara umumnya sumber dana kewangan masjid diperolehi melalui infaq, wakaf tunai, derma khairat atau kebajikan, derma aktiviti khusus, sumbangan dan dari sumber-sumber yang lain seperti hasil daripada aktiviti jualan, kutipan sewa, keuntungan pelaburan dan sebagainya yang diusahakan oleh pihak masjid (JAKIM, Garis Panduan Penyelarasan Pengurusan Kewangan Masjid dan Surau Seluruh Malaysia, 2021).

Namun begitu pengurusan dana masjid masih di tahap yang rendah dan perlu ditambahbaik (Sarkam et al., 2014). Ini terbukti apabila kadar kes kecurian duit tabung masjid masih tinggi. Selain daripada itu isu penyelewengan dana masjid juga perlu ditangani kerana ianya bukan hanya melibatkan pengurusan dalaman malah memberi imej yang tidak baik pada masjid. Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) melaporkan sering menerima aduan penyelewengan dana tabung masjid justeru itu SPRM menasihatkan jawatankuasa masjid menggunakan sistem yang jelas dalam pengumpulan dana agar pengurusan lebih mudah dan dapat mengelakkan penyelewengan berlaku (Isa, 2021).

Justeru, adalah amat penting bagi meneroka situasi kecekapan pengurusan dana masjid sebagai institusi penting orang Islam. Kepincangan yang berlaku dalam pengurusan dana atau kewangan masjid boleh memberi tanggapan dan mencerminkan sejauh mana kecekapan institusi ini memegang Amanah masyarakat. Kajian ini ingin meneroka dan mengenalpasti sejauhmana kajian mengenai kecekapan pengurusan masjid menangani atau menguruskan dana dan sumbangan di Malaysia dalam tempoh lima tahun. Penerokaan dimulakan dengan artikel ini yang mengenalpasti kajian-kajian lepas dan kecenderungan penulisan ilmiah

terhadap isu ini. Diharap jurang yang dapat dikesan dapat membantu mengembangkan idea dan penulisan literatur bagi isu pengurusan dana masjid di Malaysia.

3. Objektif Kajian

Objektif bagi kajian ini adalah:

- 3.1 Menganalisa pola penerbitan artikel berkaitan pengurusan dana institusi masjid di Malaysia dalam tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2017 hingga 2021.
- 3.2 Mengenal pasti jurang kajian lepas bagi topik pengurusan dana institusi masjid di Malaysia bagi tahun 2017 hingga 2021.

4. Metodologi

Metodologi yang digunakan adalah menggunakan kaedah bibliometrik yang akan melibatkan carian di pangkalan data *Scopus* dan *Google Scholar*. Kata kunci ditetapkan dan carian dilakukan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kajian bibliometrik ini menggunakan keputusan analisis (*result analysis*) yang dipaparkan dalam laman sesawang *Scopus* dan *Google Scholar*. Tempoh carian dihadkan dalam tempoh lima tahun kebelakang iaitu daripada tahun 2017 hingga 2021.

Dengan menggunakan pangkalan data *Scopus* dan *Google Scholar*, kajian telah mengariskan beberapa kata kunci iaitu pengurusan dana (*fund management*), masjid, Malaysia, bibliometrik (*bibliometrics*), *Google Scholar* dan *Scopus*. Setelah data dikenalpasti dan dimuat turun, pengkelasan data akan dilakukan seterusnya akan dianalisa mengikut kriteria yang ingin dikaji iaitu **mengikut jenis pangkalan data, tahun penerbitan, lokasi penerbitan, metodologi yang digunakan dan kata kunci (fokus kajian)** yang menjadi fokus bagi mengenal pasti pola penerbitan bagi topik carian ini.. Selain itu, artikel juga akan dikelaskan mengikut geografi penerbitan yang terbatas kepada penerbitan domestik atau penerbitan antarabangsa. Justeru, setelah pengkelasan artikel telah dapat dianalisa seterusnya artikel terkumpul akan dibuat analisis kandungan bagi mengenal pasti jurang penyelidikan dan penerbitan dalam konteks pengurusan dana institusi masjid di Malaysia.

5. Keputusan Dan Perbincangan

Hasil carian menghasilkan 24 artikel telah dikenal pasti. Artikel-artikel ini seterusnya akan dikelaskan mengikut kriteria-kriteria yang ingin dibincangkan. Berdasarkan artikel-artikel yang dipilih, semua maklumat yang berkaitan akan diekstrak mengikut pengkelasan yang ingin dianalisis.

5.1 Jenis Pangkalan Data

Terdapat dua jenis pangkalan data yang dipilih bagi pengumpulan data artikel. Dua pangkalan data ini dipilih kerana kekangan mendapatkan carian data bagi topik yang spesifik. Maka hasil keputusan carian mengenai topik pengurusan dana Masjid di Malaysia adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Keputusan Carian Artikel mengikut Pangkalan Data

Pangkalan Data	Bilangan Artikel
Scopus	4 (20%)
Google Scholar	20 (80%)
Jumlah	24 (100%)


Hasil kajian menunjukkan daripada 4 artikel atau 20% adalah artikel yang dikumpulkan daripada pangkalan data popular Scopus, manakala majoriti artikel iaitu 20 artikel (80%) daripada carian pangkalan data Google Scholar. Kebanyakan terbitan selain daripada indeks *Scopus*, majoriti artikel juga didapati di indeks dalam jurnal berindeks *mycite*. Hasil kajian ini menunjukkan penerbitan penulisan mengenai pengurusan dan masjid di Malaysia walaupun menunjukkan tren meningkat namun masih kurang dapat menembusi jurnal berindeks tinggi. Dalam erti kata lain, pertumbuhan jurnal atau artikel bagi topik pengurusan dana masjid adalah masih kurang dan merupakan signal bahawa sumbangan bagi penulisan dalam bidang ini perlu ditambah bagi memenuhi keperluan rujukan kajian.

5.2 Pola Penerbitan mengikut Tahun Penerbitan

Seterusnya, dapatan kajian menerangkan pola penerbitan mengikut tahun terbitan seperti dalam Jadual 2:

Jadual 2: Pola Penerbitan mengikut Tahun Penerbitan

Tahun	Bilangan Artikel
2017	2 (8.3%)
2018	2 (8.3%)
2019	5 (20.8%)
2020	7 (29.2%)
2021	8 (33.3%)
Jumlah	24 (100%)



Rajah 1: Pola Penerbitan mengikut Tahun Penerbitan

Jadual 2 dan Rajah 1 menunjukkan sebanyak 24 artikel telah ditemui dalam dua pangkalan data yang dipilih. Pola dan tren penerbitan bagi topik pengurusan dana masjid di Malaysia menunjukkan peningkatan dalam lima tahun yang dikaji iaitu tahun 2017 hingga 2021. Peningkatan penerbitan dilihat konsisten dari tahun ke tahun membuktikan topik ini adalah relevan dan signifikan terhadap dunia penerbitan dan penyelidikan. Tahun 2021 melebihi penerbitan pada tahun sebelumnya dengan hanya kelebihan satu artikel. Adalah mengejutkan juga bahawa, daripada 24 artikel ini hanya satu artikel dapat menembusi jurnal berindeks tinggi iaitu scopus iaitu pada masing-masing 1 artikel pada tahun 2017, 1 artikel pada tahun 2018, dan 2 lagi artikel pada tahun 2020. Kesemua 4 artikel ini merupakan artikel kuantitatif dan berlatar belakang kajian mengenai teknikal dalam pengurusan dana seperti perakaunan dan pembangunan sistem pengurusan dana.

5.3 Pola Penerbitan mengikut Lokasi Penerbitan

Dari aspek lokasi penerbitan bagi topik carian pengurusan dana masjid di Malaysia pula, didapati terdapat artikel yang berjaya menembusi penerbitan di peringkat antarabangsa iaitu sebanyak 4 artikel iaitu masing-masing Indonesia 2 artikel, India 1 artikel dan Amerika Syarikat 1 artikel. Selebihnya 20 artikel lagi diterbitkan oleh penerbit tempatan kebanyakannya penerbit institut pengajian tinggi seperti KUIS, UIAM, USIM, dan UiTM. Ringkasan dapatan kajian bagi pola penerbitan mengikut lokasi adalah seperti Jadual 3.

Jadual 3: Pola Penerbitan mengikut Lokasi Geografi

Peringkat	Lokasi	Bilangan Artikel
Domestik	Selangor	8 (33.3%)
	Kedah	2 (8.3%)
	Kelantan	4

		(16.7%)
	Negeri Sembilan	3 (12.5%)
	Kuala Lumpur	1 (4.2%)
	Johor	1 (4.2%)
	Sabah	1 (4.2%)
Antarabangsa	Indonesia	2 (8.3%)
	India	1 (4.2%)
	US	1 (4.2%)
Jumlah		24 (100%)

Dapatan melalui Jadual 3 menunjukkan Selangor mencatatkan penerbitan topik carian pengurusan dana masjid paling tinggi iaitu sebanyak 8 artikel (33.3%) diikuti oleh Kelantan 3 artikel (16.7%) dan Negeri Sembilan (12.5%). Manakala bagi terbitan di peringkat luar pula dipelopori oleh Indonesia iaitu sebanyak 2 artikel (8.3%).

5.4 Pola Penerbitan mengikut Metodologi Kajian

Seterusnya, dapatan kajian menemukan taburan metodologi yang digunakan bagi semua 24 artikel adalah hamper seimbang iaitu 11 artikel menggunakan kaedah kuantitatif manakala 12 lagi artikel adalah kualitatif. Terdapat 1 artikel yang menggabungkan kaedah metodologi kuantitatif dan kualitatif.

Jadual 4: Pola Penerbitan mengikut Metodologi Kajian

Metodologi Kajian yang Digunakan	Bilangan
Kuantitatif	11 (45.8%)
Kualitatif	12 (50%)
Gabungan (<i>mix method</i>)	1 (4.2%)
Jumlah	24 (100%)

Dapatan ini menunjukkan kajian mengenai topik carian pengurusan dana masjid di Malaysia terbukti boleh dijalankan menggunakan kedua-kedua kaedah termasuk teknik gabungan *mix method*. Daripada jumlah 24 artikel ini, terdapat hanya 2 artikel yang menggunakan kaedah analisis bibliometrik (dalam metodologi kualitatif) dalam menerangkan dan membincangkan

topik carian pengurusan dana masjid di Malaysia. Cuma, seperti yang dibincangkan sebelum ini, artikel yang berjaya menembusi jurnal berindeks tinggi *Scopus* adalah terdiri daripada 4 artikel yang menggunakan metod kuantitatif. Justeru, hal ini merupakan kelompongian dari sudut metodologi yang boleh diisi oleh para pengkaji akan datang.

5.5 Pola Penerbitan mengikut Fokus Kajian

Artikel yang dikumpul dan dipilih telah di estrak melalui kata kunci, abstrak dan penemuan kajian. Melalui proses ini, fokus kajian bagi setiap artikel dapat dikenal pasti seterusnya rumusan dapat dibuat. Rumusan fokus kajian dapat diringkaskan seperti Jadual 5 dibawah:

Jadual 5 menunjukkan pola penerbitan mengikut fokus kajian. Hasil kajian menunjukkan 12 artikel iaitu separuh daripada keseluruhan artikel yang dikumpulkan didapati memberi fokus terhadap isu sumber dana dan pembangunan dana masjid. Kebanyakan artikel menyarankan dan membicarakan sumber selain derma dan tabung kutipan sebagai alternatif yang boleh menjana dana masjid termasuklah pelaburan terhadap waqaf (Hisham, M. F. B., & Muwazir, M. R. (2021) (Hasan, R., Hassan, M. K., & Rashid, M. (2018)., khairat kematian (Ibhrain, M. R., Harun, M. S., & Mahmood, A. R. (2021) dan aktiviti ekonomi sekitar masjid (Omar, A. R. C., Hussin, M. Y. M., & Muhammad, F. (2017). Di samping pembangunan dana yang perlu diurus tadbir dengan baik menurut tuntutan Maqasid Syariah (Sarif, S. M., Zakariyah, L., & Noor, A. M. (2018). Tren juga diwarnai oleh perbincangan isu pandemik dan masjid sebagai institusi yang menjaga kebajikan muslim ditekankan dalam artikel fokus kajian pembangunan dana (Ikmal, F. M., Azman, K. K., & Rusdi, O. (2020). Penemuan ini menggambarkan institusi masjid juga cuba melibatkan fungsinya sebagai agen agihan pendapatan seperti yang dituntut situasi semasa negara mendepani cabaran pandemik covid-19.

Jadual 5: Pola Penerbitan mengikut Fokus Kajian

Fokus Kajian	Bilangan
Teknikal Pengurusan Dana Masjid	6 (25.0%)
Sumber & Pembangunan Dana Masjid	12 (50.0%)
Persepsi dan Kredibiliti Pengurusan terhadap Dana Masjid	3 (12.5%)
Teori/ Model Pengurusan Masjid (umum)	3 (12.5%)
Jumlah	24 (100%)

Selain itu, 6 artikel didapati memfokuskan mengenai teknikal dalam pengurusan dana masjid. Teknikal yang dimaksudkan merangkumi sistem pengurusan yang dibangunkan seperti Al Falah (Abd Razak, S. N. A., Yusoff, R., Wan Mohamad, W. N. B., & Abdul Rahman, S. A. (2019) dan perekodan perakaunan dana masjid (Islamiyah, N. (2019), Md Zain, S. R., Abd Samad, R. N., Samsudin, M. M., & Armia, R. N. (2020), Hamdan, N., Ramli, A. M., Jalil, A., Abd Aziz, M. A., & Haris, A. (2022). Majoriti artikel menyarankan sudah tiba masanya

institusi masjid menjadi badan yang lebih professional dalam menguruskan dana yang semakin berkembang termasuklah menggunakan sistem perakaunan yang efisien.

Penemuan juga menunjukkan kajian mengenai persepsi pengurusan masjid terhadap dana masjid masih menjadi pilihan, antaranya kajian oleh Abd Rahman, S. Z., & Mat Radzuan, I. S. (2021), Ibrahim, S. N. S., Bani, H., Mahmud, R., Jaaffar, M. Y., Abdullah, S., & Ibrahim, M. T. (2021). Hal ini menunjukkan kepentingan fokus ini dikekalkan dan kewujudan isu ketirisan dan integriti yang mungkin masih wujud. Terdapat kelompongan juga dari sudut pembangunan teori atau model pengurusan yang berkaitan dengan pengurusan masjid. Hal ini dibuktikan dengan dalam tempoh lima tahun ini, hanya 3 artikel dijumpai memberi fokus kepada pembangunan teori atau model pengurusan masjid mahupun khusus kepada pengurusan dana masjid.

6. Kesimpulan

Objektif bagi kajian ini adalah untuk menganalisa pola penerbitan artikel berkaitan pengurusan dana institusi masjid di Malaysia dalam tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2017 hingga 2021. Disamping untuk mengenal pasti jurang kajian lepas bagi topik pengurusan dana institusi masjid di Malaysia bagi tahun 2017 hingga 2021. Melalui analisis bibliometrik yang telah dilakukan, pola penerbitan artikel berkaitan pengurusan dana masjid telah menunjukkan tren meningkat dari tahun 2017 hingga 2021 dengan hanya 4 artikel telah diindeks di dalam Jurnal berindeks tinggi. Penemuan ini memberi signal bahawa masih terdapat ruang dan peluang yang perlu ditingkatkan bagi memastikan penerbitan berkaitan topik pengurusan dana masjid berjaya menembusi penerbitan berindeks tinggi seterusnya menjadi rujukan terhadap isu ini dapat diluaskan capaiannya ke peringkat yang lebih baik dan luas.

Objektif kedua kertas kerja ini adalah bagi mengenalpasti jurang kajian lepas bagi topik carian pengurusan dana masjid. Melalui analisis bibliometrik juga dapat dibuktikan bahawa dari sudut metodologi tiada perbezaan ketara bagi kaedah kualitatif dan kuantitatif. Jurang fokus kajian yang boleh dicadangkan adalah seperti pembangunan teori atau model pengurusan dana khususnya, serta yang tidak kurang pentingnya adalah pembangunan teknikal samada aspek ICT atau perakaunan yang cekap dan baik bagi memastikan pengurusan dana masjid lebih efisien. Pembangunan aspek ICT mungkin boleh diintegrasikan dengan kemampunan era Revolusi Industri 4.0 kini termasuklah kaedah pembayaran yang lebih relevan dan memudahkan. Justeru, penemuan kajian bibliometrik ini diharap dapat memberi gambaran umum tentang penyelidikan semasa mengenai perakaunan masjid, tren, dan arah masa depan penyelidikan yang berkaitan dengannya.

Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada Geran Penyelidikan Sekunder (GPS) Universiti Islam Selangor (UIS) tahun 2022.

Rujukan

Tafsir Al-Quran

- Abd Rahman, S. Z., & Mat Radzuan, I. S. (2021). Penyediaan Fasiliti dan Tahap Kepuasan Pengguna di Klinik Waqaf An-Nur Masjid Al-Makmur, Taman Bukit Tiram, Ulu Tiram, Johor. *Research in Management of Technology and Business*, 2(2), 766–781. Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb/article/view/3636>
- Abd Razak, S. N. A., Yusoff, R., Wan Mohamad, W. N. B., & Abdul Rahman, S. A. (2019). Al-Falah: sistem pengurusan rekod masjid.
- Ahmad, R., Arsad, S., Said, R., Hassan, A., & Shahabuddin, S. Development of Framework For Good Governance Index For Mosques In Kedah. *Development*, 7(19), 2020
- Hamdan, N., Ramli, A. M., Jalil, A., Abd Aziz, M. A., & Haris, A. (2022). Risiko Shariah dalam Penggunaan Kaedah Perakaunan Berasaskan Keuntungan untuk Pelaporan Kewangan Masjid.
- Hasan, R., Hassan, M. K., & Rashid, M. (2018). Cash waqf investment and Poverty Alleviation: Case of Tabung Masjids in Malaysia. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 4(2), 333-346.
- Hisham, M. F. B., & Muwazir, M. R. (2021). Analisis Amalan Pelaporan Dan Pendedahan Maklumat Wakaf di Malaysia. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 15, 75–89. Retrieved from <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/LJMS/article/view/3482>
- Hussin, S. N. A., Nik-Wan, N. Z., Abdullah, A., Aziz, A., & Saidi, N. (2022). An Exploratory Study of Waqf Accounting and Reporting Practices Among Mosques in Kelantan. *Jurnal Pengajian Islam*, 125-139.
- Ibbrahim, M. R., Harun, M. S., & Mahmood, A. R. (2021). Pengurusan Dana Khairat Masjid daripada Perspektif Perlembagaan, Undang-Undang, Sains Sosial dan Syarak: Management of the Mosque's Khairat Fund from Constitution, Legal, Social Science and Syarak Perspective. *Journal of Muwafaqat*, 4(2), 51-61.
- Ibrahim, S. N. S., Bani, H., Mahmud, R., Jaaffar, M. Y., Abdullah, S., & Ibrahim, M. T. (2021). Good Governance Practiced by The Malaysian Mosque Committees in Managing Mutual Benevolence: Member's Perception. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 50-62.
- Ikhmal, F. M., Azman, K. K., & Rusdi, O. (2020). The Effectiveness Of E-Mosque Application Management During Covid-19 Pandemic: An Analysis of Masjid Abdullah Fahim. *International Journal of Management (IJM)*, 11(7), 1052-1060.
- Islamiyah, N. (2019). The financial management practice of mosque: study case in Malaysia. *Jurnal Akuntansi Dan Keuangan Indonesia*, 16(1), 6.
- Ismail, N. A., & Yusoff, M. H. S. M. (2020). Persepsi Masyarakat Terhadap Peranan Masjid Menguruskan Dana Sedekah. *International Journal of Social Science Research*, 2(3), 1-11
- MD ZAIN, S. R., Abd Samad, R. N., Samsudin, M. M., & Armia, R. N. (2020). The Dynamics of Accounting Practices and Accountability in the Selected Mosques in Federal Territory. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 42.
- Omar, A. R. C., Hussin, M. Y. M., & Muhammad, F. (2017, December). Strategic Orientation and Mosques Economic Activities. In *International Business Management Conference (IBMC 2017)* (Vol. 3, p. 213).

-
- Ramli, A. M., Jalil, A., Hamdan, N., Haris, A., & Aziz, M. A. A. (2020). Keperluan Fatwa Pelaburan Dana Masjid Bagi Kelestarian Fungsi Serta Peranan Masjid: Satu Analisa Sarif, S. M., Zakariyah, L., & Noor, A. M. Financial Reporting in Tabung Masjid Management Driven by in Malaysia1. *Islamic Quarterly*, 62(1-103).
- Zakariyah, L., Sarif, S. B. M., Osman, R. B. A., Abd Rahman, S., & Noor, A. B. M. (2017). Investing Muslim Public Funds for Fulfilling Maqāsid al-Shariaah: A Case Study of Tabung Masjid in Malaysia (Melabur Dana Awam Islam untuk Memenuhi Maqāsid al-Shariaah: Kajian Kes Tabung Masjid di Malaysia). *Journal of Islam in Asia (E-ISSN 2289-8077)*, 14(2), 283-304.
- Garis Panduan Penyelarasan Pengurusan Kewangan Masjid dan Surau Seluruh Malaysia JAKIM, (2021)